



KAEDAH PERNIAGAAN PAYER
KOD TATAKELAKUAN PERNIAGAAN



Reiteregg, 01/07/2022



KAEDAH PERNIAGAAN PAYER

KOD TATAKELAKUAN PERNIAGAAN

BINDING

Terbitan: Julai 2022

Skop: Semua Pekerja PAYER Group

Diluluskan oleh: PAYER Group Board

PAYER Group diasaskan pada tahun 1946 di Austria. Jenama kami terkemuka di seluruh dunia di kalangan pelanggan kami. Bidang perniagaan kami adalah membangunkan dan mengeluarkan produk seperti, produk penjagaan kesihatan & perubatan, peralatan perumahan, penjagaan dan kecantikan. Sepanjang 75 tahun ini, kami telah memperolehi kemahiran dan kepakaran teknologi dari segi reka bentuk, pembangunan, prototaip, perindustrian, perkakas, pengacuan plastic, pemprosesan logam dan pemasangan.

Ibu pejabat PAYER Group terletak di St. Bartholomä. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pusat teknologi dan inovasi kami lebih mengkhusus dalam bidang pembuatan produk perubatan (iaitu produk pembedahan, pernafasan dan diagnostik). Di samping itu, kami dapat membekalkan produk secara optimum kepada pelanggan kami di seluruh dunia daripada PAYER group di Hungary, China dan Malaysia. Kami dapat menghasikan produk yang berkualiti tinggi dengan pekerja sebanyak 1,100 orang. Ia merupakan satu cabaran untuk membangunkan idea dan penyelesaian inovatif produk dalam menguasai keperluan pelanggan dari segi konsep sehingga siri pengeluaran.

Nilai teras kami adalah berasas dari inspirasi operasi harian syarikat. Dunia mungkin akan berubah, tetapi nilai asas kami tetap kekal. Nilai teras dan prinsip PAYER adalah membimbing kami dalam operasi harian dan dedikasikan secara global. PAYER Code of Business Conduct (dirujuk sebagai "Code") terutamanya nilai PAYER mewujudkan satu set standard minimum yang tidak dapat dirunding dalam bidang utama.

Kod ini tidak merangkumi setiap situasi tetapi merupakan satu piawaian aktiviti yang boleh diukur. Ia dapat membimbing pekerja untuk bertindak dalam kepastian. Ia adalah tanggungjawab secara langsung kepada semua pekerja untuk "melakukan perkara yang betul". Pekerja hendaklah sentiasa mempertikaikan prinsip berikut: berkelakuan beretika dan tegak, sentiasa mematuhi undang-undang!.

Merujuk kepada garis panduan, "pekerja" merujuk kepada semua pekerja PAYER, termasuk pengurus dan semua wakil syarikat PAYER.

Reiteregg, 01/07/2022

CEO PAYER Group

Pengenalan

PAYER Group adalah tertakluk kepada syarat-syarat sosial, politik dan undang-undang antarabangsa. Maka, pelanggaran syarat-syarat tersebut boleh meyebabkan kerugian dari segi kewangan dan kerosakan reputasi PAYER. Tatatertib ini adalah asas kepada keputusan dan semua aktiviti perniagaan PAYER Group. Ia adalah asas kelakuan yang beretika dan sah. Setiap pekerja adalah tertakluk kepada tatatertib sekiranya berlaku pelanggaran peruntukan berkanun, garis panduan dalaman, peraturan dan arahan atau mana-mana peruntukan undang-undang tatatertib ini.

Pematuhan kepada Kod

Kami akan merujuk kepada Kod, mematuhi peruntutannya dan panduan sekiranya terdapat sebarang keraguan.

Setiap pekerja adalah bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap semua peruntukan Kod ini. Jika diperlukan, sila merujuk atau mendapatkan nasihat daripada pengurus atau Jabatan Sumber Manusia. "Melakukan perkara yang betul" dan menegakkan integrity adalah tanggungjawab semua pekerja. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, pekerja hendaklah sentiasa berpandu kepada prinsip asas yang dinyatakan dalam introduksi Kod. Sebarang pelanggaran Tatatertib ini boleh mengakibatkan tindakan tatatertib sehingga pemecatan dan tindakan undang-undang atau pendakwaan jenayah.

Pematuhan kepada Undang-Undang, Peraturan dan Arahan

Kita perlu patuhi kepada undang-undang.

PAYER berserta dengan pekerjanya adalah terikat dengan undang-undang. Semua undang-undang, peraturan luaran dan dalaman syarikat mesti dipatuhi dalam membuat keputusan aktiviti perniagaan. Semua pekerja perlu sentiasa mengingatkan diri sendiri tanggungjawabnya dalam mematuhi undang-undang, peraturan, garis panduan dalaman dan peraturan di bahagian masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang keraguan, mereka harus menghubungi pengurus masing-masing atau Jabatan Sumber Manusia.

Hak Asasi Manusia, Penghormatan dan Integriti

Kami mempertimbangkan hak asasi manusia sebagai nilai asas.

Hak Asasi Manusia adalah berdasarkan Piagam Perserikatan Bangsa-Bangsa dan Konvensyen Eropah. Hak Asasi manusia mesti dihormati dan perlu dipertimbangkan oleh semua pekerja. Pengiktirafan budaya korporat PAYER Group's bahawa setiap manusia adalah unik, bernilai dan kebolehan mereka adalah dihargai. PAYER dilarang sama sekali dalam pemerdagangan manusia dan penghambaan, serta buruh kanak-kanak dan paksaan bekerja. Kami tidak akan bertolak ansur dalam apa jua bentuk diskriminasi. Ia juga terpakai kepada apa jua bentuk gangguan seksual samada pergerakan yang jelas, kritikan merendahkan seseorang, jenaka, bahasa kasar, gerakan yang tidak senonoh atau paparan bahan visual yang berkaitan dalam kemudahan perniagaan dan pengeluaran syarikat. Perlakuan sedemikian boleh diklasifikasikan sebagai gangguan walaupun tidak disengajakan. Prinsip ini juga terpakai bagi rakan kongsi.

Diskriminasi

Kami menghormati keperibadian dan kepelbagaian budaya rakan sekerja.

Di PAYER, kami menghormati keperibadian, privasi dan hak pekerja. Kami bertekad untuk memastikan tempat kerja adalah bebas daripada diskriminasi. Oleh itu, pekerja sama sekali tidak boleh mendiskriminasi orang lain atas sebarang keadaan samada secara lisan atau fizikal berdasarkan asal usul, kewarganegaraan, agama, etnik, jantina, umur, atau orientasi seksual. Sekiranya pekerja merasakan tempat kerja mereka tidak mematuhi prinsip yang dinyatakan dan membawa kebimbangan, mereka adalah digalakkan membawa masalah ini kepada perhatian Jabatan Sumber Manusia.

Polisi Privasi

Kami melindungi data peribadi pekerja, pelanggan, pembekal dan rakan kongsi perniagaan.

PAYER Group memproses data peribadi pekerja, pelanggan, pembekal dan rakan kongsi dalam skop operasi perniagaan sahaja. Kami bertindak sangat serius dalam melindungi data peribadi. Sebarang pemrosesan data peribadi (cth., pengumpulan, penggunaan, pendedahan, penerbitan dan penyimpanan) hanya dibenarkan dalam peruntukan undang-undang dan Garis Panduan Perlindungan PAYER (PAYER Data Protection Guidelines). Semua pekerja dikehendaki mengendalikan data peribadi dengan cermat dan teliti. Klik pada pautan berikut untuk maklumat terperinci mengenai subjek perlindungan data :

<https://www.payergroup.com/privacy-policy>

Konflik dari segi Faedah

Prinsip kami adalah bertindak demi faedah PAYER.

Konflik dari segi faedah berlaku apabila kepentingan pekerja atau kepentingan pihak ketiga mengancam kepentingan PAYER. Ia mungkin amat sukar bagi pekerja untuk melindungi kepentingan PAYER dalam keadaan sedemikian. Pekerja seharusnya mengelakkan konflik dari segi faedah dimana diperlukan. Jika konflik dari segi faedah timbul atau pekerja mendapati dirinya berhadapan dengan situasi yang mungkin melibatkan atau membawa kepada konflik kepentingan, pekerja hendaklah memaklumkan kepada pengurus dan/atau Jabatan Sumber Manusia untuk mencari jalan penyelesaian yang sesuai, adil dan telus.

Peluang Perniagaan

Kami bertekad untuk mempromosikan perniagaan PAYER.

Pekerja adalah tidak boleh diasingkan dengan *Group*. Mereka tidak seharusnya mengambil kesempatan daripada peluang perniagaan atau berkaitan dengan kerja mereka melainkan syarikat menyatakan secara jelas menafikan minatnya terhadap peluang ini. Jika syarikat tidak mengambil kesempatan daripada peluang perniagaan, pekerja boleh melibatkan diri demi kepentingan mereka dimana mereka menjelaskan dengan terang tanpa sebarang keraguan bahawa tindakan ini tidak akan mengakibatkan persaingan langsung atau tidak langsung kepada *Group*.

Keadilan Persiangan

Kami percaya kepada kepentingan persiangan yang adil dan bebas.

Persaingan yang telus dan adil dalam pasaran dalam melindungi kepentingan syarikat, pekerja syarikat dan daya saingan secara keseluruhan PAYER Group. PAYER bersedia untuk bersaing demi kejayaan perniagaan dimana sentiasa mematuhi undang-undang persaingan dan persaingan yang adil dalam perniagaan. Oleh itu, semua pekerja perlu sentiasa mematuhi peraturan berikut:

- Polisi perniagaan dan harga ditetapkan secara bebas dan tidak boleh dipersetujui secara formal atau tidak formal dengan pesaing atau pihak kebebasan yang lain, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Pelanggan, bidang perniagaan dan pasaran produk tidak akan dikongsi antara PAYER dan pesaing, demi menghasilkan keputusan yang adil.
- Pelanggan dan pembekal akan dilayan secara adil.

Menyekat persaingan bebas, melanggar peraturan persaingan dan anti pesaing adalah tidak selaras dengan falsafah atau budaya korporat dan imej PAYER Group.

Maklumat Sensitif

Kami menghargai dan melindungi maklumat sulit syarikat dan menghormati maklumat sulit orang lain.

Sebarang maklumat yang belum didedahkan kepada umum adalah sulit. Ia termasuk rahsia perdagangan, rancangan perniagaan, idea dan reka bentuk pembuatan dan pengeluaran, manual, pelan terperinci, pengkalan data, rekod, maklumat imbuhan dan data kewangan atau data lain yang tidak diterbitkan. Pekerja tidak boleh mendedahkan maklumat sulit melainkan mendapat persetujuan dan kebenaran daripada undang-undang atau pengurus mereka. Kewajipan ini berterusan walaupun telah menamatkan perkhidmatan dengan PAYER. Pekerja perlu mengelakkan pendedahan yang tidak sengajakan khususnya dalam menyimpan dan menghantar maklumat sulit.

Penipuan, Perlindungan Aset Syarikat dan Perakaunan

Kami secara jujur dan melindungi asset dan harta syarikat.

Pekerja tidak boleh melibatkan diri dalam penipuan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang terutamanya berkaitan dengan PAYER atau pihak ketiga sama ada dari segi harta, asset, pelaporan kewangan atau perakaunan. Ketidakpatuhan boleh mengakibatkan tindakan tatatertib sama sekali pendakwaan jenayah. Rekod kewangan PAYER adalah asas untuk mengurus perniagaan dan untuk memenuhi kewajipan kepada pemegang kepentingan utama. Oleh itu, semua rekod kewangan mestilah tepat dan mematuhi Piawaian Perakaunan PAYER.

Pekerja PAYER perlu melindungi dan bertanggungjawab atas harta syarikat dan menggunakannya dalam tujuan tertentu sahaja. Semua pekerja adalah bertanggungjawab dalam melindungi harta PAYER daripada kehilangan, kerosakan, penyalahgunaan, kecurian, penipuan, penyelewengan dan kemusnahan. Kewajipan sedemikian terpakai kepada asset ketara dan tidak ketara termasuk pengetahuan, maklumat sulit dan sistem maklumat.

Rasuah dan Korupsi

Kami mengecam sebarang bentuk rasuah dan korupsi.

Pekerja tidak boleh secara langsung atau melalui pihak ketiga menawarkan atau menjanjikan faedah kewangan atas peribadi atau tidak wajar untuk mewujudkan atau mengekalkan hubungan perniagaan atau mengambil kesempatan atas pihak ketiga (sama ada sektor awam atau swasta). Pekerja juga tidak boleh menerima faedah tersebut sebagai satu pertukaran daripada pihak ketiga. Selain itu, pekerja mesti mengelak daripada sebarang aktiviti atau kelakuan yang boleh menimbulkan kelakuan tersebut.

Pekerja mesti memahami bahawa menawarkan atau menerima faedah yang tidak wajar dalam mempengaruhi keputusan oleh penerima, walaupun penerima bukan pegawai kerajaan, boleh mengakibatkan tindakan tatatertib dan pendakwaan jenayah. Faedah dalam sebarang bentuk yang memanfaatkan individu tidak dibenarkan termasuk kontrak pekerjaan atau kontrak perundingan.

Hadiah, Hospitaliti dan Jemputan

Perniagaan kami berdasarkan kualiti dan kecekapan.

Tidak boleh mempengaruhi pekerja melalui sebarang bantuan. Mereka hanya menerima tawaran dan token yang disenaraikan sahaja. Pekerja tidak dibenarkan menerima atau menawarkan hadiah, perkhidmatan atau jemputan. Ini akan memberi gambaran secara tidak wajar dalam mempengaruhi hubungan perniagaan. Apabila berkenaan dengan kriteria di atas, pekerja perlu mengikut polisi dalaman yang dikuatkuasakan. Jika tiada polisi sedemikian, pekerja perlu mengikut amalan tempatan yang lebih ketat untuk mengelakkan tingkah laku yang tidak wajar. Apabila rasa keraguan, pekerja hendaklah mendapatkan nasihat daripada penyelia atau Jabatan Sumber Manusia atau dari segi undang-undang.

Pekerja mahupun pihak ketiga tidak boleh menerima hadiah daripada jenis berikut atau menawarkannya kepada pihak ketiga, tanpa mengira nilai hadiah tersebut:

- Kewangan
- Pinjaman
- Komisen
- Bentuk wang yang lain

Sumbangan dan Penajaan

Pengiktirafan tanggungjawab social kami.

PAYER komited untuk melaksanakan tanggungjawab sosialnya dalam beberapa cara dimana membuat pendermaan wang dan barang terutamanya menyokong projek kemanusiaan dan social, institusi kebudayaan dan saintifik serta pendidikan. Selain itu, PAYER juga menaja dalam projek yang terpilih seperti kebudayaan dan acara sukan serantau. Pemberian hadiah kepada pekerja adalah salah satu galakan dan sokongan kepada perniagaan tempatan. PAYER tidak akan membuat derma atau sumbangan samada dalam kewangan kepada ahli politik, parti politik, organisasi yang berhubung dengan parti atau organisasi yang semata-mata mengejar bagi tujuan social.



Keselamatan Tempat Kerja

Nilai Teras kami adalah menitik berat keselamatan dan kesihatan pekerja.

Keselamatan dan kesihatan pekerja adalah keutamaan PAYER. Asas budaya PAYER Group adalah penambahbaikan persekitaran kerja dan pelbagai langkah-langkah untuk mencegah kesihatan dan keselamatan pekerja. Setiap pekerja adalah digalakkan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan persekitaran kerja. Mereka dikehendaki mematuhi piawaian keselamatan, garis panduan serta peraturan kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Ia juga terpakai bagi semua pihak termasuk pekerja PAYER.

Melindungi Alam Sekitar dan Iklim

Tugas utama kami adalah perlindungan alam sekitar dan iklim.

Di PAYER Group, proses pengeluaran yang mampan, penggunaan sumber dan teknologi yang terbaik adalah sebahagian daripada falsafah korporat dan operasi perniagaan. Dalam masa jangka yang panjang, perlu menjaga kepimpinan yang berkualiti dalam produk dan perkhidmatan. Keseluruhannya, rantai pengeluaran dalam penggunaan sumber terutamanya bahan mentah dan tenaga adalah bertujuan untuk meminimumkan kesan-kesan kepada proses dan produk dalam persekitaran.